

PERSATUAN NELAYAN JAYA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012



Nama : **Persatuan Nelayan Kawasan Sri Muara**

Alamat : Kampung Muara Tebas, 93050 Kuching, Sarawak
Bil. Ahli : 839 Orang
Jumlah Saham : RM 146,200
Pengerusi : Encik Jam Bin Hajimi
Pengurus Besar : Puan Kartini Binti Bujang
Pendaftaran : 4 September 1992

AKTIVITI EKONOMI

❖ Menjalankan projek ekonomi untuk ahli dan nelayan di kawasan sekitar:

i. Projek Pemasaran Ikan dan Projek Pasar Nelayan

Projek ini dimulakan pada Ogos 1995. Projek ini dilaksanakan di Kg. Goebilt, Kg. Muhibah, Kg. Sejingkat dan Kg. Tanjung Bako. Projek ini dikendalikan oleh 100% PN. Bilangan nelayan yang menyertai projek ini adalah seramai 50 orang. Nilai urusan niaga tahun 2011 ialah berjumlah RM 445,421.00.

ii. Projek Perniagaan Minyak

Projek ini dimulakan pada tahun 1994. Jumlah pusat jualan terdapat 2 buah. PN terlibat dalam membekal diesel bersubsidi kepada 428 orang nelayan. Nilai urusan niaga tahun 2011 ialah sebanyak RM 37,315,793.

iii. Projek Pemprosesan Hasil Pertanian

Projek ini mula beroperasi pada tahun 2004. Produk yang dikeluarkan adalah seperti keropok lekor, otoshimi, keropok kering dan keropok segera. Projek ini telah mendapat persijilan HALAL dari Majlis Agama Islam Sarawak pada 12 Ogos 2005. Nilai urusan niaga projek ini pada tahun 2011 ialah sebanyak RM 139,807.

iv. Projek Pembekalan / Perkhidmatan

Projek ini dimulakan pada April 2011. PN membekalkan peralatan bot, enjin bot, enjin sangkut, fiber glass, jaring, sewa kenderaan dan lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan perikanan. Nilai urusniaga projek ini pada tahun 2011 ialah sebanyak RM 608,068. Bilangan pekerja bagi projek ialah seramai 2 orang.

v. Agen Kutipan Caj Ikan Import

Bermula pada 1 November 2004 dan bertempat di Pusat Pemeriksaan Ikan LKIM Pelabuhan Senari. Nilai purata pendapatan projek ini pada tahun 2011 ialah sebanyak RM 283,173 yang melibatkan seramai 4 orang pekerja.

vi. Mengurus Kompleks Perikanan LKIM Bintawa

Bermula pada 1 Mac 2010. Antara aktiviti yang diuruskan oleh PN adalah penyewaan bilik sejuk, kantin, stor, tapak minyak, ruang pejabat peniaga, caj pendaratan ikan dan caj kenderaan masuk. Jumlah pendapatan pada tahun 2011 ialah RM 88,924.

❖ Jumlah keseluruhan nilai urusniaga pada tahun 2011 ialah sebanyak RM 38,881,186.

PROJEK SOSIAL DAN KEBAJIKAN

❖ PNK telah mengadakan beberapa aktiviti sosial sebagai perkhidmatan kepada ahli iaitu :

i. KUNITA

- Pelbagai kegiatan dilakukan oleh ahli KUNITA. Antaranya projek memproses ikan kering, belacan, katering, demonstrasi makanan dan pertandingan memasak.

ii. KUBENA

- Mengadakan pelbagai aktiviti kebajikan dan sosial seperti bergotong-royong, bersukan, membantu melicinkan majlis-majlis keramaian, kenduri kahwin dan sebagainya.

iii. Tabung Bantuan Pelajaran Anak-Anak Nelayan & Peningkatan Kemahiran Keluarga Nelayan

- Mengadakan kursus bimbingan dan motivasi UPSR, PMR dan SPM untuk anak-anak nelayan.
- Memberi ganjaran kepada anak-anak ahli yang cemerlang dalam keputusan peperiksaan.
- Memberi bantuan kepada anak-anak ahli yang dapat belajar di IPTA & IPTS
- Kursus keusahawanan dan kemahiran untuk ahli-ahli PN seperti kursus pembuatan bubu, membaikpulih jaring dan sebagainya.
- Kursus dan latihan untuk isteri-isteri nelayan melalui KUNITA seperti kursus pemprosesan hasil-hasil laut.

- Ganjaran kepada ahli yang mendapat pendapatan ikan terbanyak, saham terbanyak dan nelayan cemerlang dalam tempoh setahun.

iv. Tabung Kebajikan

- Derma / sumbangan kepada ahli PN, persatuan-persatuan, sekolah - sekolah dan pertubuhan yang memerlukan
- Khairat Kematian sebanyak RM 500.00 akan diberi kepada keluarga ahli PN yang meninggal dunia
- Sumbangan kepada masjid dalam Kawasan Kegiatan PN sebanyak RM 600.00 setiap tahun

v. Bangsal Pasang Siap

- PNK Sri Muara juga menyediakan 3 set bangsal pasang siap untuk kegunaan masyarakat setempat
- Dikenakan bayaran iaitu:
 - RM 140.00 / set - ahli PN
 - RM 200.00 / set - bukan ahli PN

vi. Menyediakan Kemudahan Pinjaman Dan Perkhidmatan

- PN menyediakan kemudahan pinjaman kepada ahli-ahli yang menjual hasil tangkapan kepada PN. Had pinjaman tidak melebihi RM 2,000.
- Bayaran balik dipotong melalui hasil jualan ikan kepada PN atau RM 50.00 sehingga RM 100.00 sebulan
- Pinjaman untuk membeli peralatan menangkap ikan seperti pukat, kotak ikan, enjin dan membaiki kulit bot
- PNK juga menyediakan kemudahan penjualan peralatan ikan seperti jaring, pukat ranto, fish finder dan GPS

vii. Restoran Sri Muara Dan Restoran Demak Laut

PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

❖ Antara anugerah serta pencapaian PNK Sri Muara :

- Sijil Pengesahan HALAL daripada Jabatan Agama Islam Sarawak (Tahun 2005)
- Anugerah Pengurusan & Pentadbiran Pejabat Terbaik Kategori Persatuan Nelayan LKIM (Tahun 2005)
- Anugerah Persatuan Nelayan Jaya Sempena HPPN Peringkat Negeri Sarawak (Tahun 2006)
- Anugerah Persatuan Nelayan Jaya Sempena HPPN Peringkat Kebangsaan (Tahun 2006)
- Anugerah Pengurusan & Pentadbiran Pejabat Terbaik Kategori Persatuan Nelayan LKIM (Tahun 2011)
- Anugerah Inovasi Pertanian Dan Industri asas Tani Peringkat Negeri Sarawak (Tahun 2012)

PERANCANGAN MASA DEPAN

- ❖ Memperkemaskan dan mempertingkatkan aktiviti projek-projek ekonomi yang sedia ada.
- ❖ Mewujudkan koperasi untuk membolehkan PN berpeluang menjual barang-barang terkawal seperti beras, gula , minyak masak dan sebagainya.